

29/09/2003

Amalkan cara hidup sihat dan berdisiplin

Raja Ahmad Zainuddin

GANGSTERISM seperti menjadi budaya baru di kalangan pelajar sekolah sejak kebelakangan ini. Apakah puncanya? Adakah ia disebabkan sistem pendidikan? Atau mereka ini bukan dari kalangan ahli sukan yang sentiasa terikat dengan disiplin.

Tiada ibu bapa yang tidak mahu melihat anak mereka berjaya hingga ke menara gading. Malah, ibu bapa sentiasa berdoa agar anak-anak mereka menjadi manusia yang berguna dan boleh membantu menjana pembangunan negara.

Ramai ibu bapa dan sanak-saudara yang sanggup berhabis-habisan serta bergolok-bergadai, kerana mahukan anak-anak mereka memiliki ijazah dan masa depan yang cemerlang.

Kita berasa megah dan mengagumi kejayaan wira-wira seperti perenang maraton negara, Datuk Abdul Malek Mydin; pelayar solo, Datuk Azhar Mansor; pemain badminton, Muhammad Hafiz Hashim dan yang terbaru kumpulan bowling wanita yang melakar sejarah dan mengharumkan nama negara.

Tetapi, pada waktu sama kita juga dikecewakan kerana pembabitan anak-anak muda yang bakal menjadi pewaris negara terjerumus pula dalam budaya samseng seperti yang dilaporkan berlaku di beberapa sekolah menengah berasrama penuh baru-baru ini.

Pembuangan sekumpulan pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh cukup mengejutkan ramai pihak kerana masalah disiplin. Di sekolah ini jugalah seingat saya berlakunya pergaduhan yang membabitkan pelajar ketika berlangsungnya perlawanan akhir bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah (MSSM).

Pada hal sekolah ini melakar nama kerana melahirkan ramai pemimpin dan tokoh negara. Sekadar menyebut beberapa nama mereka yang berjaya seperti bekas Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa; Pengerusi Felcra, Datuk Hamzah Zainuddin; Pengerusi Tenaga Nasional (TNB), Datuk Dr Awang Adek Hussin; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya; Setiausaha Kerajaan Perak, Datuk Dr Ishak Yeop Shar dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lokman Hakim.

Mereka juga pemain ragbi dan bola tampar yang suatu masa dulu amat disegani jika diadakan sama ada di pertandingan antara sekolah atau negeri.

Begitu juga dengan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang bukan sahaja melahirkan ramai tokoh seperti Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Talaat Haji Husain tetapi juga disegani di bidang sukan.

Seingat saya, bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak juga bekas penuntut maktab ini. Lima menteri kabinet yang juga lepasan MCKK ialah Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz (Pembangunan Usahawan), Datuk Hishamuddin Tun Hussein (Belia dan Sukan), Tan Sri Musa Ahmad (Pendidikan), Datuk Affendi Nawawi (Pertanian) dan Tan Sri Khalil Yaakub (Penerangan).

Ibu bapa berebut-rebut memasukkan anak mereka ke MCKK kerana prestasi sekolah berkenaan. Jika ada yang gagal mereka bukan setakat kecewa malah akan menuding jari seolah-olah berlaku pilih kasih. Tetapi semuanya itu dahulu. Keadaan sekarang sudah berubah. Pelajar cemerlang sudah ada pilihan mengikut selera masing-masing kerana kerajaan telah mewujudkan banyak sekolah seperti itu termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Kenapa sejak kebelakangan ini soal disiplin pelajar semakin dipertikaikan? Adakah kerana mereka ini kurang pendedahan dalam aktiviti luar, bersukan umpamanya yang sentiasa menitikberatkan soal disiplin. Dari satu sudut ada yang berpendapat mungkin juga kerana pengurusan sekolah yang agak longgar hinggalah pelajar tidak merasa takut untuk melanggar

peraturan yang diadakan.

Setahu saya, setiap pelajar digalakkan bergiat dalam aktiviti luar atau (kokurikulum). Di sini pelajar yang hendak ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dinilaikan juga prestasi mereka dengan pemberian 10 mata sebagai kelayakan sokongan. Begitupun ia mendapat bantahan. Justeru apakah ia perlu diadakan semula sebagai langkah memperketatkan disiplin di sekolah?

Adakah pengaruh televisyen dan internet yang tidak terkawal yang telah mencerobohi dan merosakkan pemikiran masyarakat serta mencemari nilai murni budaya kita?

Di samping itu, teknologi canggih yang sepatutnya menjadi pemangkin pembangunan telah disalahgunakan, terutamanya oleh pengeluar cakera padat haram untuk mengaut keuntungan bagi diri sendiri tanpa menghiraukan kesan buruk kepada masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Bajet 2004 baru-baru ini berazam meningkatkan usaha membanteras gejala negatif sosial yang semakin membimbangkan di kalangan masyarakat terutama golongan remaja.

Selaras dengan hasrat itu, dasar sosial negara dilancarkan berasaskan kepada pembangunan sosial yang berteraskan nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai perpaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap.

Justeru, kerajaan akan menubuhkan 50 buah pusat khidmat komuniti di kawasan berisiko tinggi di mana kadar jenayah dan masalah sosial sering berlaku.

Bagaimanapun untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang berakhlak dan bermoral tinggi bukan hanya tanggungjawab kerajaan. Keluarga, terutamanya ibu bapa dan masyarakat perlulah bersama memainkan peranan dengan mengamalkan cara hidup sihat, berdisiplin, berilmu pengetahuan dan kukuh daya pemikiran serta menghayati ajaran agama.

Nilai-nilai ini akan menjadi benteng paling teguh dalam membentuk golongan muda yang berhemah tinggi yang berdaya tahan dalam menghadapi segala masalah sosial dan seterusnya melahirkan sebuah masyarakat yang benar-benar berjaya dalam segala aspek hidup.

Dalam persidangan Parlimen yang sedang berlangsung, kami turut menyuarakan pendapat jika masih ada sebarang kekurangan prasarana sekolah bagi keselesaan pelajar. Demikian juga kemudahan bagi pelajar luarbandar untuk bersukan kerana tidak mahu mereka yang berbakat besar akan tercicir begitu sahaja.

Pada waktu yang sama, wajarkah bekas murid-murid tua sekolah berasrama penuh yang cemerlang pada suatu ketika kembali menggunakan sentuhan mereka dengan melebarkan motivasi kesedaran kepada pelajar sekarang? Atau dimulakan temasya sukan dikalangan sekolah berasrama penuh supaya masyarakat dapat menilaikan perbezaan prestasi pelajar di sekolah biasa dengan sekolah-sekolah elit yang lengkap dengan segala kemudahan.

Kita tidak mungkin sudah lupa kehebatan keluarga Datuk Sidek Kamar Abdullah yang berjaya membentuk anak-anaknya dalam sukan badminton. Misbun dan Rashid Sidek kini melatih skuad negara. Begitu juga, keluarga ratu renang, Nurulhuda Abdullah yang pernah mencatat sejarah di Sukan Sea dengan mengondol banyak pingat emas dan Shalin Zulkifli yang melakar sejarah bersama skuad bowling wanita di kejohanan dunia bulan ini.

Jika sebelum ini, negara pernah melahirkan pelumba Formula Satu, Alex Yoong, tetapi hanya mampu bertahan separuh jalan, kini muncul seorang lagi pelumba muda iaitu Rizal Ramli, anak kepada Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli Ngah Talib apabila baru-baru ini berada di tempat kelima dalam perlumbaan Kejohanan British F3 bagi 21 pusingan yang diadakan di Donington Park awal bulan ini manakala seorang lagi anak Malaysia, Fairuz Fauzi berada di belakangnya (tempat ke-11).

Secara peribadi saya kagum dengan ketabahan Rizal yang pernah mengalami kemalangan jalan raya, begitu cekal dengan semangat tidak mengalahnya yang sewajarnya dicontohi oleh anak-anak muda yang lain daripada terbabit dalam

perlumbaan haram yang risikonya bukan sahaja cukup tinggi, tetapi menyalahi undang-undang.

Sementara itu, kerana minat segala-galanya boleh dilakukan. Walaupun tiada padang permainan. Saya kagum dengan semangat perpaduan yang ditunjukkan masyarakat Taman Putera Perdana di Puchong terutama penganjurnya Abdul Hanim Malek yang berjaya mengadakan perlawanan bola sepak di atas sebidang tanah sebesar "sekangkang kera" minggu lalu. Terima Kasih kerana menjemput saya merasmikannya sambil dapat bermain bersama pasukan veteran di situ yang mengalahkan krew TV3 dengan jaringan 3-1.

Syabas juga kepada Ketua Pergerakan Pemuda Umno Perak, Datuk Dr Zamri Kadir, yang juga Exco Pemuda Umno Malaysia yang sudi turun padang sebagai tanda kepimpinan melalui tauladan. Begitu juga dengan kehadiran Timbalan Ketua Pengarah Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Encik Azman Amin Hassan, selain Wahid Senario yang memeriahkan lagi majlis itu.

Terima kasih dan tahniah juga kepada Pergerakan Pemuda Barisan Nasional Tanjung Malim, Ahmad Khairi kerana menjemput saya merasmikan perlawanan bola sepak sembilan sebelah yang dimenangi oleh pasukan Proton Shah Alam walaupun berakhir sampai ke malam.